

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 24/06/2019
Edisi / Muka Surat : Selangor & KL / 38
Tajuk : ANGKASA martabatkan sukan petanque

Angkasa martabatkan sukan petanque



Abdul Fattah bersama pemenang Kejohanan Petanque Peringkat Angkasa Negeri Pahang Zon 3 kelmarin.

BENTONG - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memperuntukkan RM400,000 setahun bagi memartabatkan sukan petanque.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, petanque yang menjadi sukan rasmi ahli koperasi di seluruh negara dipopularkan oleh pengasas dan Presiden pertama Angkasa, Prof Diraja Ungku Aziz sejak 32 tahun lalu.

"Petanque juga sesuai kerana melibatkan pelbagai

peringkat umur," katanya sempena Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Petanque Peringkat Angkasa Negeri Pahang Zon 3 yang berlangsung di gelanggang petanque di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Bentong kelmarin.

Koperasi Felda Mempaga Tiga Berhad muncul juara kategori lelaki manakala Koperasi Kesuma Lipis Berhad menang bagi kategori wanita.

Bagi kategori sekolah pula diungguli Koperasi SMK Seri Bentong Berhad

yang meraih juara bagi acara lelaki dan perempuan.

Sementara itu, Abdul Fattah memberitahu sebanyak 10,000 pemain melibatkan 3,000 pasukan berentap dalam kejohanan di seluruh negara bermula Mac lalu.

Menurutnya, johan akan mewakili negeri ke peringkat kebangsaan di Kedah bermula 23 Ogos depan.

"Pertandingan anjuran Angkasa mendapat pengiktirafan Persatuan Petanque Kebangsaan bagi memilih atlet negara," katanya.

Perustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA